



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 23/2010 (6 hingga 12 Jun 2010)

Bagi tempoh 6 hingga 12 Jun 2010, sejumlah 891 kes demam denggi dengan 5 kematian telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 77 kes (9%) berbanding 814 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 21,309 kes iaitu penurunan sebanyak 8% berbanding 23,056 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Walau pun jumlah kes pada tahun ini masih rendah berbanding tahun sebelumnya, tetapi sejak 4 minggu lepas kes mingguan yang dilaporkan melebihi paras median mingguan untuk 5 tahun dan jumlah kes mingguan tahun sebelumnya. Negeri-negeri yang menunjukkan tren peningkatan yang ketara ini adalah Sabah, Johor, N.Sembilan, Pahang, Kelantan dan Perak. Lebih membimbangkan ialah bilangan kes kematian terus meningkat sebanyak 21% dari 57 kes dalam tahun 2009 kepada 69 kes dalam tempoh yang sama tahun ini.

Lima (5) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas iaitu 3 dari Selangor dan masing-masing 1 kematian dari Perak dan Sarawak. Empat dari 5 kematian ini berlaku di kawasan wabak denggi dan di kawasan-kawasan yang tidak bersih serta mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu diantara 4 hingga 18%. Ini menyebabkan risiko jangkitan denggi sangat tinggi untuk berlaku.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 22 kawasan *hot spots* yang masih aktif, berbanding 24 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, N.Sembilan dan Kelantan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 11 daripada kawasan ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya 4 dari 22 lokaliti atau 18% *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D).

Walau pun Penyakit Demam Denggi telah banyak menyebabkan berlakunya kematian tetapi masyarakat masih memandang remeh tentang penyakit ini. Pemantaun Kementerian Kesihatan menunjukkan 46% daripada lokaliti wabak yang telah berlarutan melebihi sebulan masih tidak bersih dan mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi. Kementerian Kesihatan sentiasa melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan bagi mengingatkan masyarakat mengenai bahaya denggi dan langkah yang patut diambil. Sehingga 12 Jun 2010, sejumlah 1,524 aktiviti ceramah telah dijalankan dan sebanyak 1,963,913 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara. Namun begitu, tindakan dari orang ramai masih kurang memuaskan dengan hanya 780 (13%) aktiviti gotong-royong dicatatkan daripada sejumlah 6,188 aktiviti yang disasarkan di seluruh negara. Oleh itu, adalah diharapkan ketua masyarakat, Jawatankuasa Penduduk dan masyarakat setempat mengambil inisiatif memeriksa kediaman masing-masing dan mengadakan gotong-royong menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan mereka.

Sekiranya terdapat ahli keluarga atau sesiapa yang mengalami demam dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital. Bagi pengamal perubatan yang merawat pesakit, diminta merujuk pesakit ke hospital dengan segera jika pesakit mempunyai tanda-tanda amaran awal seperti

sakit perut, kerap muntah, pening atau gelisah, pucat, sesak nafas dan menunjukkan gejala pendarahan.

Bagi tempoh 6 hingga 12 Jun 2010, sejumlah 5 kes penyakit Chikungunya dilaporkan berbanding 3 kes pada minggu sebelumnya. Lima (5) kes yang dilaporkan adalah 3 dari Sarawak dan masing-masing 1 kes di Selangor dan Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 566 kes berbanding 2,687 kes, penurunan sebanyak 2,121 kes (79%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 Jun 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 23/2010**  
(6 hingga 12 Jun 2010)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 23/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 23/2009
		Minggu 23 (6 – 12 Jun 2010)	Minggu 22 (30 Mei – 5 Jun 2010)		
1	Perlis	5	2	68	120
2	Kedah	17	25	350 (2)	475
3	P. Pinang	23	21	509 (2)	1,429
4	Perak	78 (1)	54	862 (3)	1,894 (1)
5	Selangor	286 (3)	311	9,661 (32)	11,948 (39)
6	WPKL & Putrajaya	66	83	2,380 (4)	2,088 (7)
7	N. Sembilan	70	50	1,037 (4)	473 (5)
8	Melaka	13	14	260 (4)	324
9	Johor	91	96 (2)	1,482 (6)	1,349 (2)
10	Pahang	57	27	584 (1)	446 (1)
11	Terengganu	7	11	413	559
12	Kelantan	32	33	605 (2)	641
13	Sarawak	54 (1)	44 (1)	2,135 (8)	811
14	Sabah	91	43	954 (1)	480 (2)
15	WP Labuan	1	0	9	19
	<b>Jumlah</b>	<b>891 (5)</b>	<b>814 (3)</b>	<b>21,309 (69)</b>	<b>23,056 (57)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 23/2010  
(6 hingga 12 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 23/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 23/2009
		Minggu 23 ( 6 – 12 Jun 2010)	Minggu 22 ( 30 Mei – 5 Jun 2010)		
1	Perlis	0	0	0	27
2	Kedah	0	0	0	736
3	P. Pinang	0	0	3	182
4	Perak	0	0	3	346
5	Selangor	1	0	23	378
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	85
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	2	3	131
10	Pahang	0	0	1	67
11	Terengganu	0	0	1	50
12	Kelantan	0	0	2	354
13	Sarawak	3	1	511	296
14	Sabah	1	0	11	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>566</b>	<b>2,687</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 23  
BAGI TAHUN 2010**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	76	118
2	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	29	97
3	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	29	62
4	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	14	62
5	SELANGOR	MPKJ	Taman Putra	14	53
6	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	20	53
7	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata(Zon c)	11	50
8	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	24	47
9	SELANGOR	MPS	Rawang Integrated	10	40
10	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Tasik Kesuma (3)	9	39
11	SELANGOR	MPS	Taman Rawang Perdana ApartmentLily	12	36
12	SELANGOR	MPAJ	Kg Melayu Ampang (Zon A)	12	33
13	SELANGOR	MPSJ	Sri Kembangan (SK 13)	5	32
14	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	16	31
15	SELANGOR	MPSJ	USJ 8 (Court 6)	6	30
16	WPKL	Cheras	Bandar Tun Razak (ApartmentLumayan)	11	47
17	WPKL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang,Tioman)	10	60
18	WPKL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	22	63
19	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	17	69
20	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	13	48
21	N.SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia Seremban 2	19	62
22	KELANTAN	Kota Bahru	Kg. Batu 6, Sabak	12	34

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 23  
BAGI TAHUN 2010  
(6 hingga 12 Jun 2010)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	WP KL	SETAPAK	Taman Setapak (Jalan Bakubang, Tioman)	46.0	46
2	SELANGOR	MPAJ	Kg. Melayu Ampang (Zon A)	16.7	17
3	WP KL	KEPONG	Quarters Kerajaan Jalan Duta	9.0	9
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	6.4	9
5	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	5.1	5
6	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	5.3	8
7	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	4.8	5
8	N. SEMBILAN	SEREMBAN	Flat Dahlia Seremban 2	4.1	4
9	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.0	4
10	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Jasmin (2)	2.6	3
11	KELANTAN	KOTA BAHRU	Kg. Batu 6, Sabah	1.5	2